



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

## KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 29 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 29 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah tiga (3) laporan kejadian kluster ILI daripada dua (2) buah negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 28 April 2010, sejumlah 80 kes disahkan influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,602. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 540 kes. Daripada jumlah tersebut, 55 kes (10.2%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah sembilan (9) kes di mana lapan (8) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko.

Kementerian Kesihatan juga telah menerima dua (2) laporan kematian H1N1 pada hari ini. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) kes kematian sahaja yang disebabkan oleh jangkitan virus influenza A(H1N1) manakala satu (1) kes lagi penyebab kematiannya adalah **bukan** disebabkan oleh jangkitan H1N1 secara langsung. Ini menjadikan jumlah terkumpul kematian H1N1 sehingga hari ini ialah 81 orang.

Dua kematian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i) Seorang wanita berumur 61 tahun dengan beberapa faktor risiko iaitu:- penyakit jantung (*Ischaemic Heart Disease*), *diabetes mellitus* dan *hypertension*. Kes telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu pada 23 April 2010 setelah mengalami masalah pernafasan dan meninggal dunia pada 24 April 2010. Hasil perbincangan pakar-pakar telah mengesahkan bahawa penyebab kematian ialah akibat jangkitan virus influenza A(H1N1).

- ii) Seorang lelaki berumur 46 tahun dengan faktor-faktor risiko penyakit jantung (*dilated cardiomyopathy*) dan *hypertension*. Kes telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu pada 22 April 2010 dan meninggal dunia pada 23 April 2010. Walaupun kes ini disahkan positif jangkitan virus H1N1 melalui ujian PCR, hasil laporan pakar-pakar dan keputusan ujian darah mengesahkan bahawa penyebab kematian ialah komplikasi akibat radang paru-paru dan sepsis oleh jangkitan bakteria dan **bukan** disebabkan oleh virus H1N1 secara langsung.

Kementerian ingin menarik perhatian orang ramai bahawa majoriti kematian yang dikaitkan dengan jangkitan virus H1N1 melibatkan mereka yang mempunyai faktor-faktor risiko seperti asma, diabetes, penyakit buah pinggang, penyakit jantung, penyakit paru-paru, ibu mengandung dan kegemukkan (*morbid obesity*). Mereka ini mudah mengalami komplikasi penyakit sedia ada atau jangkitan bakteria sekunder yang menyebabkan sepsis dan boleh membawa maut. Oleh itu, Kementerian Kesihatan ingin menggesa orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti di atas, supaya segera mendapatkan pelalian vaksin H1N1 di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 29 April 2010

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 29 April 2010**

<b>Bil.</b>	<b>Institusi</b>	<b>Bil. terdedah</b>	<b>Bil. Kes ILI di dalam kluster</b>	<b>Keputusan Sampel Positif H1N1</b>	<b>Tindakan diambil</b>
1.	Sekeluarga dari Taman Indah, Melaka.	5 orang	2 orang	2 sampel positif H1N1	Kedua-dua kes telah diberi rawatan antiviral di hospital
2.	SK Bandar Baru Seri Petaling 2, Kuala Lumpur	388 orang	5 orang	5 sampel positif H1N1	Semua kes telah menerima rawatan antiviral sebagai pesakit luar,
3.	SJKC Jalan Davidson, Kuala Lumpur	1988 orang	6 orang	5 sampel positif H1N1	Kesemua kes telah diberi rawatan antiviral. Seorang telah dimasukkan ke hospital dan selebihnya dirawat sebagai pesakit luar.